

EMO Hannover 2019: Perkhidmatan untuk wartawan

Keahlian Kelab Pertukangan Logam

Kelab Pertukangan Logam menyediakan sumber yang membolehkan setiap bakal pengunjung ke EMO bersiap sedia dengan baik. Tawarannya merangkumi tiket musim percuma, penggunaan pengangkutan awam secara percuma, kemasukan ke tapak pameran menggunakan lorong pantas, penggunaan Ruang Rehat Kelab di tapak pameran, mesyuarat khas kelab, dan surat berita setiap enam hingga lapan minggu.

Daftarkan diri di www.clubofmetalworking.com! Kad keahlian peribadi memberi pemegangnya hak menggunakan semua perkhidmatan yang disenaraikan tadi.

Imbasan pengenalan EMO pada 3 dan 4 Julai 2019 di Hanover, Jerman

Dengan menjelang tibanya EMO Hannover 2019, penganjur EMO, VDW (Verein Deutscher Werkzeugmaschinenfabriken), ingin memberi anda Imbasan Pengenalan EMO di Hanover pada 3 dan 4 Julai 2019. Untuk menyokong laporan awal media perdagangan antarabangsa, setiap pempamer akan mempersembahkan hasil inovasi masing-masing secara eksklusif kepada pihak media sebelum pesta dimulakan. Jika anda berminat menjadi peserta, sila hubungi wakil Deutsche Messe AG di negara anda atau Puan Sylke Becker daripada Jabatan Perhubungan Akhbar Dan Awam VDW melalui talian +49 69 756081-33 atau alamat e-mel s.becker@vdw.de.

Pentauliahan

Pentauliahan boleh diberikan sebelum acara bermula. Pas masuk untuk pihak akhbar, permit letak kereta untuk pihak akhbar, dan tiket keluar akan dihantar secara pos sekurang-kurangnya dua minggu sebelum acara bermula. Jika pentauliahan diberikan kemudian, bahan-bahan ini akan dihantar secara e-mel.

Semasa pesta itu nanti, wartawan yang datang ke Hanover tanpa pas masuk ke EMO boleh memohon pentauliahan melalui kaunter akhbar di kawasan masuk Utara 1 dan Barat 1, dan juga melalui pusat akhbar jika mereka mengemukakan pengenalan diri yang bersesuaian. Garis panduan pentauliahan Deutsche Messe AG akan digunakan.

Perkhidmatan untuk wartawan di ruangan akhbar laman www.emo-hannover.de

Maklumat akhbar

Semua siaran akhbar dan gambar akhbar yang terkini tentang EMO Hannover boleh didapati dalam talian di

www.emo-hannover.de.

Perkhidmatan pengambilan gambar secara percuma sepanjang tempoh pesta

Gambar digital berwarna yang terkini sekitar acara di pesta dagang ini akan dimuatkan ke dalam pangkalan data imej di www.emo-hannover.de setiap hari.

Filem dan rakaman

Sebelum dan semasa EMO Hannover dilangsungkan, anda boleh mendapatkan filem dan rakaman dalam talian untuk liputan televisyen. Bahan-bahan ini disediakan secara percuma. Kami akan menyediakan rakaman bermagnet dan potongan kasar untuk anda.

Sumbangan audio

Bahan sumbangan audio EMO Hannover disediakan untuk anda tanpa lesen secara percuma, dan boleh diproses dan diterbitkan.

Gambaran keseluruhan tarikh terkini

Pengumuman tentang sidang akhbar syarikat dan persatuan yang mempamer juga boleh didapati dalam talian di www.emo-hannover.de.

Orang Hubungan PR Pempamer

Senarai syarikat pempamer mengikut urutan abjad berserta nombor dewan, nombor gerai dan butir-butir perhubungan akhbarinya memudahkan perhubungan sebelum dan semasa pesta berlangsung. Butir-butir perhubungan wakil PR pempamer boleh didapati pada Internet dan boleh disediakan atas permintaan sebagai lembaran Excel.

Kotak akhbar internet pempamer

Di dalam peti akhbar elektronik, siaran akhbar, dan dalam keadaan yang tertentu, gambar pempamer disiarkan.

Perkhidmatan di tapak pameran

Teksi akhbar

Perkhidmatan bas ulang-alik percuma disediakan untuk wakil media di tapak pameran.

Pusat akhbar di Pusat Konvensyen (CC)

Titik hubungan pusat bagi semua wartawan di tapak pameran menawarkan perkhidmatan yang berikut:

- **Kaunter pertanyaan**
Pusat penerangan dan maklumat am untuk wartawan.
- **EBI (sistem maklumat pengunjung)**
Sistem maklumat pusat tentang pempamer, tawaran dan acara di tapak pameran.
- **Ruang kerja**
Dilengkapi komputer riba, internet, W-LAN, talian ISDN, talian analog dan modem faks
- **Peti akhbar syarikat**
Mengandungi bahan akhbar syarikat-syarikat pempamer
- **Maklumat akhbar**
Siaran akhbar yang terperinci tentang EMO Hannover 2019
- **Mesyuarat akhbar**
"Presse-Treff" bertempat di tingkat pertama pusat akhbar. Wartawan berpeluang berjumpa dengan pempamer. Semasa pesta berlangsung, kami menawarkan minuman keras percuma selama satu jam mulai pukul 5 petang.
- **Almari**
Almari berkawal berserta ruang berkunci.

EMO Hannover 2019 - Pesta dagang pertukangan logam yang terkemuka di dunia

Dari 16 hingga 21 September 2019, para pengilang teknologi pengeluaran antarabangsa akan mempersembahkan teknologi pintar semasa EMO Hannover 2019. Dengan cogan kata, "Teknologi pintar mendorong pengeluaran hari esok", pesta dagang pertukangan logam yang terkemuka di dunia ini mempamerkan seluruh spektrum teknologi pertukangan logam moden, yang menjadi teras setiap proses pengeluaran perindustrian. Mesin-mesin yang terkini berserta penyelesaian teknikal yang cekap, perkhidmatan yang mengiringi produk, pengeluaran yang dapat bertahan, dan banyak lagi akan dipersembahkan. EMO Hannover bertumpu pada perkakas mesin pemotongan dan pembentukan, sistem perkilangan, perkakas kejituan, aliran bahan berautomasi, teknologi komputer, barangan elektronik perindustrian, dan aneka aksesori. Pengunjung perdagangan ke EMO merangkumi semua sektor perindustrian yang penting, seperti kejuruteraan mekanikal dan kilang, industri automotif dan para pembekalnya, teknologi ruang angkasa, ilmu mekanik dan optik kejituan, pembinaan kapal, teknologi perubatan, pembuatan perkakas dan acuan, serta pembinaan keluli dan logam ringan. EMO Hannover ialah tempat perjumpaan antarabangsa yang paling penting bagi teknologi perkilangan sedunia. Hampir 2,230 pempamer dari 44 buah negara telah berjaya menarik kunjungan 130,000 pelawat perdagangan dari 160 negara ke EMO Hannover 2017. EMO ialah tanda dagang berdaftar persatuan perkakas mesin Eropah, CECIMO.

Teks dan gambar EMO Hannover boleh didapati pada Internet di www.emo-hannover.de/bilddatenbank. Mari ikuti EMO Hannover melalui saluran media sosial kami juga.



http://twitter.com/EMO_HANNOVER



<https://de.industryarena.com/emo-hannover>



www.linkedin.com/company/emo-hannover



<http://facebook.com/EMOHannover>



<http://www.youtube.com/metaltradefair>

Frankfurt am Main, Disember 2018